

PENTADBIRAN SYARIKAT BORNEO UTARA BRITISH PANTAI BARAT BORNEO UTARA (1881-1941); SATU TINJAUAN POLITIK PERIBUMI

*British North Borneo Company (BNBC) Administration at North Borneo West
Coast: An Overview Indigenous Politcs*

YUSRY SULAIMAN

Kolej Sastera & Sains, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah,
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

Corresponding author: yusry.sulaiman@uum.edu.my

Received: 9th June 2025; Accepted: 15th August 2025

Abstrak

Kedatangan Syarikat Borneo Utara British telah membawa perubahan besar terhadap struktur pentadbiran tradisional di Pantai Barat Borneo Utara. Kajian ini menganalisis dasar-dasar SBUB dari sudut politik dan ekonomi serta kesannya terhadap masyarakat peribumi, terutama komuniti Bajau dan lain-lain. Pendekatan ini menggunakan Kualitatif secara hermeneutik untuk menganalisis berasaskan teks seperti dokumen kolonial seperti *colonial official*, *North Borneo Central Archives* dan buku-buku terpilih. Kajian ini meneliti struktur kuasa tradisional yang terganggu akibat dasar penjajahan serta menilai peranan para pemimpin tempatan dalam pentadbiran kolonial. Dapatan menunjukkan SBUB telah memperkenalkan sistem pentadbiran moden yang memberi impak langsung terhadap hak tanah, struktur kuasa dan hubungan etnik di pantai barat Borneo Utara.

Kata Kunci: Syarikat Borneo Utara British, dasar politik, dasar ekonomi, masyarakat peribumi, pentadbiran kolonial

Abstract

This case analyze about the political and economic policies of BNBC and their impact on the indigenous communities, particularly the Bajau and others. The approach used is qualitative with a hermeneutic method, analyzing texts such as colonial documents, colonial officials' reports, the North Borneo Central Archives, and selected books. This method based on examines the disruption of traditional power structures due to colonial policies and evaluates the role of local leaders in the colonial administration. Findings show that BNBC introduced a modern administrative system that directly impacted land rights, power structures, and ethnic relations on the West Coast of North Borneo.

Keywords: *British North Borneo Company, politic policies, economy policies, indigenous, colonial administration*

PENGENALAN

Pada tahun 1877 dan 1878, SBUB telah memperoleh konsesi daripada Sultan Abdul Momin dan Sultan Abdul Momin menerima sebanyak 12,000 secara total manakala Pengiran Temenggung Hashim telah menerima 3,000 sebagai bayaran tahunan. Fakta ini penting bahawa terdapat bentuk perjanjian awal yang meletakkan asas kepada penyerahan kuasa pentadbiran wilayah. Pihak SBUB telah menerima Piagam Diraja daripada kerajaan British pada tahun 1881 yang dijadikan mereka untuk mentadbir Borneo Utara sebagai entiti swasta dengan kuasa separuh kerajaan. Seterusnya, kedatangan Syarikat Borneo Utara British ke Borneo Utara pada tahun 1881 telah mengubah landskap politik,

ekonomi dan sosial terutama di pantai barat Borneo Utara. Sebelum ini, pantai barat Borneo Utara adalah wilayah jajahan kekuasaan Kesultanan Brunei, kemudian diserahkan kepada hak wilayah kepada SBUB melalui perjanjian konsesi. Dengan kedatangan SBUB, segala pengaruh Kesultanan Brunei seperti wilayah jajahannya iaitu Sungai Kerajaan, Sungai Kuripan dan Sungai Tulin telah diserahkan kepadanya. Maka itu, struktur tradisional ini telah dirombak semula melalui dasar-dasar kolonial yang menyusun semula pentadbiran dan ekonomi wilayah tersebut.

DASAR POLITIK TRADISIONAL SYARIKAT BORNEO UTARA BRITISH

Sistem pentadbiran Syarikat Borneo Utara British berasaskan kolonial moden yang dibahagikan kepada residensi, daerah dan kampung. Dahulunya, Borneo Utara dibahagikan kepada tiga residensi. Pada awalnya hanya dua sahaja iaitu residensi pantai barat dan pantai timur kemudian ditambah lagi kepada dua iaitu bahagian Pendalaman dan Kudat. Setiap jawatan residensi akan mengawasi bagi tujuan memantau sepanjang operasi. Seorang residensi pula bertugas sebagai menjaga di kawasan mereka. Setiap residensi mesti bertanggungjawab atas nama baik Gabenor. Gabenor merupakan jawatan tertinggi dalam sistem pentadbiran BNBC. Sebagai contoh, Treacher merupakan Gabenor yang terawal di Borneo Utara. Bagi residensi yang lain seperti Ketua Jabatan juga akan beurusan secara langsung dengan ahli jawatan sakteriat lain yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan. Oleh itu, Setiausaha Kerajaan bertindak sebagai "*Chief of Staff*" kepada Gabenor dan dibantu oleh salah seorang penolong Setiausaha Kerajaan. Gabenor mengetuai sistem ini dengan dibantu oleh Residensi Daerah dan Ketua Anak Negeri mengikut kadar elaun tertentu. Dalam Struktur pentadbiran kolonial moden, SBUB telah melantik kepada pemimpin tempatan seperti telah membuat perubahan dasar pentadbiran tradisional yang menggantikan Kesultanan Brunei.

Selain itu, setiap residensi pula dibahagikan kepada beberapa bahagian untuk mentadbir oleh para pegawai daerah yang digelar "*Magistrates in Charge*" pada asalnya. Setiap pegawai yang dilantik bertanggungjawab melalui residensi mereka kepada Gabenor. Setiap pegawai yang dikehendaki melakukan banyak tugas. Pada masa yang sama bertindak sebagai ketua Majistret Daerah, pelindung tenaga buruh, pengutip cukai tanah, bendahari, pegawai eksekutif setiap jabatan serta menjadi penasihat kepada setiap kampung yang mesti dilawati dari masa ke semasa. Bagi pengutip cukai, kerjanya adalah mengutip cukai tanah dan berkuasa untuk menyelesaikan pertelingkahan mengenai sempadan dan hak milik pendaftaran pemindahan nama seperti geran tanah dan lain-lain transaksi hal kerajaan. Mengikut beberapa kawasan yang mempunyai estet. Antara estet yang terdaftar di kawasan pantai barat seperti Lok Kawi dan Segama. Pegawai Daerah juga memastikan sebagai *Assistant "Protector of Labour"* yang bertanggungjawab mendaftar dan membuktikan semua kontrak kuli, menyelidik sebarang para buruh dan menyelesaikan masalah-masalah kulinya. Tambahan pula, pegawai Daerah memastikan para kerana dapat membantu para penduduk tempatan. Rutter menjelaskan peranan Pegawai Daerah;

"It has been his to bring genly and dexterously, untotured tribes under the protection of the British Flag; it has been end bloodshed and tribal wars, to settle head-hunting feuds, to abolish slavery, to repress injustice and rapacity to make the country possible for peaceful trade."
Rutter (2008)

Pegawai Daerah dibantu oleh para pegawai rendah yang lain. Sebagai contoh Penolong Pegawai Daerah dan para kadet. Para kadet ini biasanya ditempatkan bahagian jabatan-jabatan kerajaan di kawasan bandar mahupun daerah kecil sehingga mereka lulus peperiksaan bahasa Melayu, Undang-Undang dan mereka akan dinaikan pangkat penolong Pegawai Daerah. Sebagai contoh kawasan pantai barat Tuaran, Jesselton, Kota Belud, Kinarut, Putatan dan Papar. Para pegawai dari Eropah dalam pentadbir dalam *British North Borneo Company* sebenarnya tidak ramai hanya 25 orang sahaja pada tahun 1900 (*View British North Borneo...*;1899). Kemudian Donald (1968) menjelaskan pegawai daerah Eropah bertambah seramai 50 orang selepas tahun itu.

Seterusnya, SBUB telah menubuhkan Mahkamah Anak Negeri yang dihidupkan semula bagi menangani kes-kes berlaku di Borneo Utara. Sistem ini turut dijadikan sebagai salah satu mekanisme untuk mengawal keadaan sosial terutama masyarakat peribumi. Dengan itu BNBC telah mengamal

pemerintahan secara tidak langsung (*Indirect Rule*) bagi tujuan mengurangkan kos perbelanjaan dalam pentadbiran serta mengawal komuniti etnik di Borneo Utara seperti Bajau, Dusun, Illanun, Suluk, Brunei, Murut, Sungai dan sebagainya. (NBCA-735: *Indirect Rule and the system of Administration of Natives of North Borneo*, G.S.O NO 01314 *Office of the Commissioner of Custom & Exercise*, 29th August 1935.)

Antara sebab yang tidak boleh diterima oleh pihak BNBC:

- A) Pegawai Daerah diharapkan peranan penting sebagai penjaga keamanan dalam masyarakat peribumi di Borneo Utara. Tetapi terdapat pegawai yang gagal dalam melaksanakan tugas dengan amanah sehingga timbul ketidakpuasan hati bagi masyarakat peribumi yang menganggap mereka sebagai “Prentah” tertinggi dan kurang mesra dengan masyarakat tempatan. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan kepada SBUB terhadap keberkesanan pentadbiran di peringkat asas.
- B) Pegawai Daerah dilantik untuk menyelaraskan dalam hal ehwal masyarakat Peribumi yang masih pertikaian dalam kuasa mereka yang dilihat mengatasi kuasa terutama ketua masyarakat peribumi. Sebelum kedatangan SBUB, ketua masyarakat peribumi mempunyai kuasa autoriti yang lebih tinggi. Oleh itu pelantikan Pegawai Daerah oleh SBUB dilihat sebagai usaha merombak struktur kuasa tradisional demi kepentingan pentadbiran kolonial

Kedatangan SBUB telah membawa perubahan signifikan dalam struktur pentadbiran. Sistem ini bertujuan melicinkan urusan pentadbiran serta mengelakkan ketidakcekapan yang sering berlaku dalam sistem tradisional yang bersifat tidak sistematik dan rumit. Melalui pentadbiran yang lebih teratur, aspek seperti pengurusan pemungutan cukai, pelantikan pegawai dan penetapan kawasan pentadbiran dapat dilaksanakan dengan lebih efisien. SBUB turut membahagikan wilayah kepada kawasan tertentu bagi menyelaraskan urusan ekonomi dan pentadbiran secara berpusat dan terancang.

PERUBAHAN PENTADBIRAN SEMASA PEMERINTAHAN BNBC

Pada abad ke-19, kuasa Kesultanan Brunei merosot akibat tekanan daripada kuasa Barat. Namun demikian kawasan pantai barat Borneo Utara daripada Merapok sehinggalah Pindasan berada dibawah pengaruh Brunei (Yusry 2021) penguasaan sebenar adalah di kawasan seperti Tempasuk, Teluk Marudu sehingga Teluk Sibuko merupakan terbatas dan hanya tertumpu di sekitar pusat kekuasaan Brunei. Kemerosotan ini berpunca daripada kelemahan struktur politik Brunei yang semakin ketara berikutan konflik dalaman istana. Selain itu, kedatangan kuasa Barat seperti Belanda yang aktif dalam perdagangan serantau turut menjejaskan dominasi Brunei. Menurut Warren (1972) serangan lanun seperti Orang Balangingi dengan sokongan Kesultanan Sulu turut melemahkan kedudukan politik Brunei di kawasan ini.

Pada tahun 1877, Overbeck adalah seorang Konsul Austria di Hong Kong bersama sindiket perniagaan Eropah, telah berjaya mendorong Sultan Abdul Momin dari Brunei untuk menyerahkan wilayah jajahannya di Borneo Utara dengan bayaran sekali gus (*lum sum*) sebanyak 15,000 dolar. Daripada jumlah tersebut, Overbeck membayar 3,000 dolar sebagai sewaan tebusan untuk menguasai wilayah di pantai barat Borneo Utara. Menurut Yusry dan Bilcher (2019) konsesi yang diperoleh membolehkan Overbeck mendapat hak penuh ke atas wilayah tersebut dan menggunakan gelaran “Maharajah Overbeck. Beliau juga diberikan kuasa mentadbir, termasuk hak mengenakan cukai, menggubal undang-undang, mengeksploitasi sumber semula jadi serta mengurus penduduk tempatan. Menurut Treacher (1891) menyatakan bahawa Overbeck berhak mentadbir berdasarkan pengiktirafan daripada Kesultanan Brunei. Namun, konsesi daripada Sultan Abdul Momin dianggap belum lengkap kerana Kesultanan Sulu turut menuntut hak ke atas sebahagian wilayah di pantai timur Borneo Utara. Demi menyelesaikan pertikaian tersebut, Overbeck berunding dengan Sultan Sulu (Sultan Jamalul Al-Alam) pada 22 Januari 1878, kemudian mereka berdua bersetuju menyerahkan wilayah tuntutan dengan bayaran syarat bayaran tahunan sebanyak 5,000 dolar (C.O 874/22; Yusry & Bilcher 2019)

Pada peringkat awal penguasaan Overbeck, beberapa wilayah di Borneo Utara dibebaskan daripada pengaruh Kesultanan Sulu, khususnya di kawasan pantai timur seperti Sandakan. Disebelah pantai barat pula, wilayah ini dahulunya berada di bawah pengaruh pembesar Brunei turut dimasukkan

ke dalam pentadbiran baharu. Antara kawasan tersebut termasuk Mengkabong, Tempasuk, Tuaran Sembulan, Menggatal (Dara), Sepanggar, Karambunai, Tambalang, Putatan, Papar, Pengalat Besar Pengalat Kecil, Tanajung Aru (Napas), Dumpil, Petagas dan Kinarut. Sebagai tindakan awal dalam pentadbiran, Overbeck telah melantik beberapa pegawai penting untuk sedia membantu mengurus wilayah jajahannya. Pada 11 Februari 1878 beliau melantik William Pryer sebagai pentadbir di kawasan pantai timur terutama di Sandakan. Pada 22 April 1878, William Prettyman dilantik untuk mentadbir di Tempasuk, manakala Leicester dilantik sebagai pegawai yang bertanggungjawab di Papar pada Februari yang sama. (C.O 874, *Papers Relating to Affairs in Sulu*)

Hak pemilikan terhadap wilayah yang diperolehi melalui perjanjian terdahulu telah dipindahkan kepada *The British North Borneo Provisional Association* bayaran sebanyak 12,000 dolar (M/38/82, C.O 874). Kemudian nama tersebut ditukar kepada Syarikat Borneo Utara British, sebuah syarikat yang milik penuh British. Pada bulan Ogos 1881, SBUB telah memberikan Piagam Diraja oleh Kerajaan British dan secara rasmi dikenali sebagai Syarikat Borneo Utara British (*British North Borneo Company*) Antara memorandum penting yang menjadi asas penubuhan SBUB

- A) SBUB mestilah dimiliki sepenuhnya oleh pihak British
- B) Sebarang pemindahan kuasa mestilah mendapat kebenaran rasmi daripada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan
- C) Tidak dibenarkan pembentukan mana-mana persatuan perdagangan yang bertujuan untuk monopoli
- D) Pelantikan Gabenor hendaklah mendapat persetujuan daripada Kerajaan British terlebih dahulu
- E) Kuasa Veto diberikan kepada Kerajaan British terhadap semua urusan syarikat melibatkan penduduk tempatan, struktur pentadbiran, hubungan luar negeri termasuk penyelesaian perselisihan dengan mana-mana Sultan tempatan (C.O 874/168; Wright 1966)

Menurut Yusry (2021), penganugerahan Piagam Diraja kepada SBUB mencerminkan sokongan penuh Kerajaan British terhadap usaha syarikat tersebut menguasai Borneo Utara. Langkah ini merupakan strategi geopolitik bagi mengekang kemasukan kuasa Barat seperti Sepanyol, Belanda dan Jerman. Kehadiran mereka di rantau ini telah mendorong British untuk mempercepatkan usaha meneguhkan kedudukan di Borneo Utara. Hal ini dibuktikan melalui termeterainya Protokol Madrid pada 7 Mac 1885 antara British, Sepanyol dan Jerman yang ditandatangani di Madrid (F.O 71/81; M42/82) iaitu:

England does not seek to extend her empire by fire and sword. At the same time, looking for internaional treaties and engaements to facilaiate the freedom of our business operation, to increase the number of our mercanrtile port and stational, and extend the empire of our commerce. The absorption of North Borneo, its government, its natural resources, its soil and it splendid possibilities by a British Company is therefore of peculiar interst and importance. Hatton (1881)

Oleh itu, BNBC telah mendapat perlindungan diraja disebabkan dua perkara. Pertama, jika pihak BNBC berdiam diri maka kuasa Barat yang lain akan cuba menakluki kawasan Borneo Utara secara langsung mahupun tidak langsung. (M489/82, Sir Charles Dike...). Kedua, menurut Irwin (1986) semasa di Gladstone, British telah membuat persetujuan untuk menubuhkan sebuah syarikat tetapi perlu meminta restu dengan Ratu Elizabeth untuk menjalankan dasar perluasan pengaruh di Borneo Utara.

Akhirnya, dasar SBUB bertujuan memastikan wilayah tersebut kekal aman dan bebas daripada pengaruh kuasa Barat lain. Sehubungan dengan itu, British memberi kebenaran kepada SBUB untuk menubuhkan organisasi pentadbiran tersendiri (Cecelia & Anwar 1981). Tujuan utama penubuhan ini adalah untuk memperoleh pangkalan strategik serta memperkukuhkan perdagangan dengan China.

Selain itu, SBUB turut diarahkan menghapuskan sistem perhambaan, menjamin kesamarataan hak antara etnik, serta memperkenalkan sistem percukaian (Rutter 2008). Dengan keizinan rasmi Ratu England, SBUB memperoleh hak pentadbiran di Borneo Utara secara sahaja. Menurut Wright (1966), pemerintahan SBUB menandakan peralihan daripada struktur tradisional kepada sistem pentadbiran moden.

MASALAH SYARIKAT BORNEO UTARA BRITISH TERHADAP PERIBUMI DI PANTAI BARAT BORNEO UTARA

Pentadbiran SBUB telah memainkan peranan penting dalam mengenal pasti dalam struktur sosial dan politik masyarakat peribumi yang sebelum ini berada dalam keadaan huru hara. Sepanjang pemerintahan SBUB, wujudnya pelbagai usaha untuk mewujudkan kestabilan politik dalam kalangan masyarakat peribumi di Borneo Utara. Kestabilan ini dianggap penting untuk mengelakkan sebarang konflik dan pergaduhan yang sering berlaku dalam kalangan peribumi di Borneo Utara. Menurut Tregonning (1965), kedatangan orang Eropah di Borneo Utara bertujuan untuk mencari tapak penempatan serta memperluaskan pengaruh mereka. Golongan ini terdiri daripada bangsawan Eropah, namun bersifat anarki dalam pendekatan kuasa. Beliau menjelaskan bahawa masyarakat di Borneo Utara ketika itu terbahagi kepada dua kategori iaitu Golongan Islam (Mohamedan) dan bukan Islam (Paganisme) yang masing-masing mengakui kekuasaan pemimpin dalam komuniti mereka, sama ada seorang pembesar mahupun ketua. Warren (1909) pula berpendapat bahawa masyarakat Bajau mengiktiraf kepemimpinan secara bebas dan tidak mutlak. Mereka hanya bergantung kepada kepemimpinan dalam perkara yang penting dan menguntungkan sahaja. Sebaliknya, masyarakat Illanun menunjukkan kepemimpinan yang lebih kuat dan berpengaruh yang bertujuan untuk menguasai politik tempatan. Sebaliknya, masyarakat Illanun lebih tersusun dari sudut kepemimpinan dan terlibat aktif dalam aktiviti ekonomi seperti perdagangan hamba yang turut menjadi alat pengukuhan kuasa politik mereka (Jelani 2006). Golongan Brunei pula menunjukkan pengaruh wilayah yang kuat dan menggunakan serangan terhadap kawasan sukar ditakluki sebagai strategi mengukuhkan dominasi politik dan ekonomi (Hasbol 2016). Secara keseluruhannya, interaksi SBUB dan masyarakat peribumi memperlihatkan proses peralihan kuasa tradisional kepada struktur kolonial yang lebih sistematik meskipun turut mencetuskan ketegangan antara etnik dan golongan pemerintah.

Menurut Qasim (2013) kedatangan orang Eropah ke Borneo Utara oleh kepentingan ekonomi terutama dalam konteks ketidakstabilan politik di pantai barat yang membuka ruang campur tangan. Keperluan terhadap bahan mentah susulan Revolusi Industri Eropah sejak 1688 mempercepatkan eksploitasi kawasan luar oleh kuasa-kuasa Barat, terutama British (Hill 1980). Demi mengukuhkan kuasa politik dan mengembangkan ekonomi kapitalis, British melalui SBUB mengambil langkah mengawal masyarakat peribumi secara sistematik. Antara langkah strategi utama ialah dasar segregasi etnik bagi menghalang perpaduan peribumi, serta mengekalkan pemimpin tradisional dalam struktur pentadbiran kolonial untuk memastikan kestabilan dan kesinambungan pengaruh SBUB di kawasan pantai barat Borneo Utara.

SBUB berusaha mengekalkan struktur politik tradisional dengan melakukan modifikasi terhadap institusi pentadbiran peribumi sebagai langkah untuk mengukuhkan dominasi mereka. Meskipun matlamat utama SBUB adalah mengeksploitasi sumber ekonomi tanpa campur tangan yang meluas, pelantikan Gabenor seperti Treacher menjadi keperluan utama untuk mengukuhkan tapak kekuasaan kolonial serta menghalang pengaruh kuasa barat seperti Brooke, Jerman, Sepanyol dan Belanda (Andaya et.al. 1983). SBUB turut menggunakan perjanjian sebagai alat untuk mengelirukan masyarakat peribumi dan kesedaran anti-kolonial dalam kalangan penduduk tempatan masih rendah akibat pengaruh doktrin kolonialisme (Maaruf 2014).

Selain itu, Prettyman memainkan penting dalam mendamaikan konflik antara Bajau dan Dusun. Beliau mengadakan mesyuarat mingguan antara kedua-dua komuniti dan memastikan perdagangan dapat dijalankan tanpa gangguan. Walaupun menghadapi tentangan daripada segelintir pemimpin tradisional, sebahagian masyarakat Bajau, Illanun dan Dusun menunjukkan kesetiaan. Namun terdapat juga masyarakat Bajau yang menolak pengaruh SBUB atas dasar mempertahankan autonomi politik mereka. Bagi mengukuhkan kawalan, SBUB menubuhkan polis tempatan beberapa kawasan

pantai barat bertujuan membanteras jenayah dan mengawal masyarakat peribumi (Black 1968). SBUB bergantung kepada birokrasi kolonial yang melibatkan pemimpin tradisional memandangkan jumlah pegawai British yang terhad serta kesukaran komunikasi dan pengangkutan di pedalaman. Di samping pelbagai etnik masyarakat peribumi turut menyulitkan proses pentadbiran akibat perbezaan budaya sukar difahami oleh pegawai kolonial.

Pada awal ke-20 secara beransur-ansur mengambil alih kuasa pemerintahan daripada kesultanan Brunei. Meskipun ada masyarakat peribumi lain telah menunjukkan kesetiaan, SBUB tetap menghadapi cabaran dalam menguruskan kerjasama dengan pemimpin tradisional kerana hubungan yang bersifat lokal dan kadang kala bermusuhan antara komuniti pantai barat. Seperti dilaporkan oleh Treacher kepada Dent, kepelbagaian dan pemisahan geografi ini menjadi faktor yang perlu ditangani secara berhati-hati oleh pihak kolonial:

“We Are Trying to govern the enative through his headmen “Treacher reported to Dent, but we find it very difficult to discover headmen of any influence, the population being so split up to agnostic kampongs. Tregonning (1965)

Menurut Sabihah (1985), penglibatan pemimpin tradisional dalam sistem pentadbiran SBUB bertujuan melicinkan urusan tadbir serta menjimatkan kos operasi kolonial. SBUB memberikan tumpuan kepada peluasan ekonomi sambil mengukuhkan pengaruh politik di pantai barat Borneo Utara. Kerjasama dan kesetiaan pemimpin tempatan dianggap penting dan mereka dibahagikan kepada dua golongan yang menerima elaun dan tidak. Pemimpin yang menerima elaun diberi tanggungjawab menjaga keamanan mengutip cukai, serta mengurus hal ehwal tempatan dengan bayaran sebanyak 40 dolar. Tambahan pula, Ranjit (2011) ada pemimpin yang bertugas sebagai pengadil anak negeri dan pengutip cukai kepala, di mana mereka memperoleh sekitar satu pertiga daripada kutipan, sementara satu peruluh diserahkan kepada ketua mereka.

SBUB melantik pemimpin tempatan seperti Ketua Anak Negeri dan Ketua Kampung sebagai orang tengah (*Local Clients*) untuk membantu pentadbiran dan perdagangan khususnya di kawasan pedalaman (Black 1968). Mereka juga diberi kuasa separa rasmi dalam hal pengadilan dan kutipan cukai. Untuk menjimatkan kos, SBUB juga menghidupkan semula Mahkamah anak Negeri yang mengurus kes-kes peribumi. Pelantikan Ketua Anak Negeri di buat mengikut etnik dan setiap kes antara etnik mesti diadili oleh wakil etnik masing-masing.

Pada tahun 1891, Ordinan Kampung memberi kuasa kepada ketua kampung untuk mengadili kes-kes dalam negeri, kecuali jenayah berat seperti pembunuh, penculik dan rompakan. Sekurang-kurangnya tiga Ketua Kampung perlu hadir dalam mahkamah untuk mengendalikan masalah berdasarkan adat tempatan, walaupun tidak perlu catatan terperinci, hanya laporan ringkas kepada Pegawai Daerah. Mahkamah anak Negeri berperanan mengadili kes bumiputera berkaitan perkahwinan perceraian, kahwin, zina, rogol dan pelanggaran adat. Menurut Rutter (2008) mahkamah ini sentiasa berpegang kepada adat tempatan. Campur tangan kerajaan sangat terhad dan Ketua Anak negeri menjalankan tugas dibawah kepada Pegawai Daerah dan Mahkamah Residen. Dalam kes melibatkan perkahwinan antara etnik, hukum adat wanita akan diguna pakai (NBCA-Native Court...) Menurut Roff *“Apart from the periodic gatherings of headmen, native participation in government was confine to the local level (Roff 1974).*

Pelantikan ketua peribumi sebagai Penolong Pegawai Daerah menerima reaksi bercampur daripada pegawai Eropah. Sebahagian menolak atas prejudis terhadap kecekapan pemimpin peribumi, manakala sebahagian lagi menerimanya dengan syarat mereka diawasi pegawai Eropah berpengalaman. Justeru pelantikan pemimpin peribumi ke jawatan ini tidak digalakkan di kawasan yang tiada pegawai Eropah. Menurut Sabihah pembantu Penolong Pegawai Daerah perlu melapor semua hasil bulanan kepada Penolong Pegawai Daerah atau Residen (Sabihah 1985). Tregonning (1965) pula mencatat bahawa pada tahun 1940 kerajaan memperuntukkan sebanyak 11,250 dolar untuk Penolong Pegawai Daerah dan 23,449 dolar untuk Ketua-Ketua Anak Negeri.

Aktiviti pelanunan sukar dihapuskan kerana lanun sukar dikesan kerana sering berpindah, hal ini menyukarkan SBUB mengesan mereka. Kekurangan pasukan keselamatan turut menyukarkan pengawalan kawasan persisir. Selain itu, SBUB juga berkomitmen menghapuskan amalan perhambaan yang tidak dianggap tidak berperikemanusiaan. Pada tahun 1881, Treacher memperkenalkan *Provisional Rules and Regulations Concerning Slavery* yang melarang pemilikan hamba oleh Eropah dan pegawai SBUB di Borneo Utara (Treacher 1891). Namun, amalan perhambaan masih diteruskan oleh masyarakat peribumi. Hamba hanya dibebaskan melalui bayaran yang ditentukan Residen. Meskipun undang-undang ini dikuatkuasakan, ia kurang mendapat sambutan dan sering dilanggar. Pada tahun 1883, Treacher memperkenalkan dasar kedua yang menstrukturkan semula undang-undang berkaitan perhambaan, memberikan kebebasan kepada hamba serta mengenakan denda maksimum sebanyak 5,00 kepada pelanggar dasar.

Aktiviti pelanunan dan perhambaan mendorong SBUB mengambil langkah bagi membanteras ancaman tersebut. Selain itu amalan tradisional memburu kepala yang popular dalam kalangan masyarakat Dusun dan Murut turut menjadi halangan besar kepada aktiviti perdagangan, khususnya bagi masyarakat Bajau yang enggan masuk ke kawasan pedalaman kerana takut diculik atau diserang (Rutter 2008). SBUB berusaha menghapuskan amalan ganas dan sifat permusuhan sesama etnik demi menjamin ketenteraman awam. Tindakan ini membantu menjamin keselamatan masyarakat peribumi dan membuka ruang kepada kestabilan ekonomi. Masyarakat Bajau dan etnik lain mula sedar bahawa kuasa luar mempunyai kekuatan organisasi yang lebih baik berbanding struktur masyarakat tradisional yang tidak tersusun. Akibatnya, berlaku perpindahan dan penyesuaian masyarakat tempatan terhadap perubahan yang diperkenalkan oleh SBUB walaupun pada awalnya sukar diterima. Namun akhirnya mereka menerima perubahan demi kemanfaatan bersama (Cyril 1966);

That the Bajau and Illanuns.....who are to found scattered around the Sabah Coast-Should have settled down as well as they have is in itself remarkable and a tribute surely to British guidance over the past generations. Nowadays they live lives which, while following the leisurely tempo of all tropical races, are nevertheless frequently of value to community as a whole.

Kesimpulan, kestabilan pentadbiran politik yang wujud bukan sahaja memudahkan segala tugas tetapi membawa kemudahan dalam perhubungan mahupun perdagangan bagi pihak BNBC dan Masyarakat peribumi. Oleh itu, dalam laporan *BNBH* kemunculan kedai Cina juga memulakan di kawasan perbandaran *British North Borneo Herald* (1 Mei 1888). Ini mewujudkan masyarakat Bajau berkemungkinan boleh runtuh walaupun BNBC hanya fokus dalam ekonomi kapitalis.¹

DASAR YANG DIPERKENALKAN OLEH SYARIKAT BORNEO UTARA BRITISH

Kedatangan SBUB membawa perubahan besar kepada struktur sosial dan pentadbiran di pantai barat Borneo Utara. Dasar SBUB menekankan pemodenan berasaskan nilai Barat melalui pelantikan ketua tempatan, penubuhan Mahkamah Anak Negeri dan penguatkuasaan ordinan seperti Akta Pengasingan Tanah. sebelum ini masyarakat peribumi bebas dan berasaskan adat terpaksa menyesuaikan diri dengan sistem birokrasi dan kawasan kolonial sosial. Sebagai contoh, pemusatan kuasa yang mengehadkan autonomi tradisional dan penyesuaian masyarakat peribumi kepada sistem ekonomi dan kolonial sosial. Secara keseluruhan, dasar SBUB membentuk semula struktur sosial, budaya dan identiti masyarakat peribumi dalam kerangka pentadbiran kolonial. Antara sub dasar SBUB iaitu;

Akta Pengasingan Tanah

Menurut Salleh, Akta Pengasingan Tanah memberikan kuasa penuh kepada SBUB sebagai pemilik utama di kawasan Pantai barat. Tanah hanya boleh dilupuskan kepada individu yang melalui pembayaran sewa berdasarkan syarat tertentu. Buang, menyatakan bahawa akta ini berbeza dengan prinsip Islam yang mengehadkan pemilikan tanah demi keadilan sosial. Dasar ini memperlihatkan orientasi ekonomi kolonial yang mengutamakan kawalan kerajaan terhadap tanah dan sumber. Ia secara tidak langsung mengehadkan akses masyarakat tempatan terhadap tanah tradisi mereka, sekaligus menjejaskan struktur sosial dan ekonomi komuniti masyarakat peribumi

Akta Pengasingan Tanah yang dilaksanakan oleh SBUB menetapkan beberapa syarat Utama berkaitan dan penggunaan tanah seperti

- A) Pengasingan tanah tidak melebihi tempoh 99 tahun
- B) Pemberian Akta Tanah Rizab termasuk hak pajakan
- C) Lesen diberikan untuk tujuan penggunaan tanah negeri, tanah rizab dan perlombongan
- D) D) kebenaran mengekstrak atau mengalihkan bahan batu dari kawasan bukan hutan simpan
- E) Kebenaran penggunaan ruang udara atas tanah kerajaan atau tanah yang berkhidmat

Dalam pendekatan SBUB yang sangat sistematik dalam mengawal pemilikan dan penggunaan tanah dengan tujuan adalah seperti mengehadkan kuasa masyarakat tempatan, terutamanya masalah masyarakat peribumi dalam mengurus tanah secara tradisional. Sambil itu, SBUB juga mengukuhkan kawasan ekonomi dan politik dengan melalui pemusatan hak tanah kepada SBUB. Sebagai contoh, Treacher memperkenalkan dasar *Land Legislation dan Land Proclamation* pada tahun 1885 untuk mengawal urusan tanah. Beliau juga membasmi perhambaan dan menggubal anti perhambaan. Namun dasar tanah yang diperkenalkan lebih menguntungkan kepada pihak kolonial kerana mengizinkan penjualan tanah peribumi kepada orang luar serta menjejaskan hak masyarakat tempatan. Kuasa gabenor juga digunakan menetapkan sempadan kawasan demi pembangunan komersial, bukan kepentingan komuniti peribumi (Black 1968).

Seterusnya, Gabenor Creagh menganti Treacher, beliau memperkenalkan sistem Torrens yang sama beroperasi di Perak dan sekitar Tanah Melayu (Buang 1992: 8). Beliau terpaksa mengadaptasi Sistem Torren di pantai barat Borneo Utara secara terdesak untuk melindungi masalah tanah peribumi.² Dalam *legislation* akta tanah peribumi (Proclamation III 1889) telah menjadi masalah utama. Proklamasi ini lebih membimbangkan kepada masyarakat peribumi yang akan diambil oleh orang luar. BNBC lebih mengutamakan orang luar berbanding masyarakat peribumi. Dalam *legislation* telah mengukur beberapa kawasan mengikut permohonan. *District Officer* melakukan tugas untuk memberi tahu kepada ketua suku untuk perjanjian antara orang luar dan masyarakat peribumi. Selepas membuat perundingan, masyarakat peribumi dikenakan tuntutan berdasarkan permohonan mereka. Selesai permohonan kepada setiausaha, maka permohonan itu diterima dan diukur mengikut beberapa luas kawasan yang ditandakan berdasarkan dalam surat perjanjian (geran) *British North Borneo Herald*, (1 February 1889); Maxwell (1884).

Pegawai Daerah bertanggungjawab bagi memastikan hak masyarakat peribumi dapat dipelihara. Terdapat dua kaedah untuk tujuan ini, tetapi memerlukan kebenaran daripada BNBC. Antara kawasan "Tanah Rizab" telah dikonsesikan oleh pemilik asal melalui surat perjanjian. Dasar BNBC cenderung untuk mengasingkan kawasan masyarakat peribumi terutama masyarakat Bajau dan lebih mengutamakan kepada masyarakat Cina. Oleh itu, pihak BNBC juga telah membuat pembayaran tunai kepada masyarakat bajau berdasarkan keluasan tanah mereka. Dasar Proklamasi berkenaan tuntutan tanah iaitu pendirian awal BNBC adalah sangat tegas kerana tidak mengambil kira kepentingan dan kedudukan masyarakat peribumi, khususnya Bajau yang dianggap perlu disingkirkan dari tanah yang didakwa milik BNBC.

Dalam Dasar Proklamasi (III) adalah undang-undang yang memastikan hak peribumi tentang tanah dengan orang luar konsesi. Dasar ini menyediakan beberapa mekanisma untuk memastikan pemerhatian BNBC dapat terjaga. Malangnya, semasa pemerintahan Gabenor Creagh kebanyakan yang membeli tanah tidak membayar cukai tanah kepada BNBC. Terdapat 30 jenis syarikat pentadbiran dengan jumlah perbelanjaan sebanyak 30,000. BNBC dapat memastikan terdapat syarikat asing yang merampas tanah masyarakat peribumi tanpa usul periksa.

Pada 1913 telah membuat pendaftaran bagi sesiapa menjual beli tanah dan tuntutan merupakan bukti. Semasa gabenor Cecil Parr menambahbaik tentang tanah itu dengan memperkenalkan sistem cukai mengikut kawasan mereka daftar. Beliau telah melakukan jenis kategori tanah yang cukai seperti *Native Titles* dan *Country Lease* (bukan peribumii). Bagi "*Native Title*" pula merupakan penduduk asal dengan

mempunyai adat istiadat yang catatan rekod 1889. BNBC menukarkan kepada *Country lease* dengan caranya mengasingkan dan menjaga kepentingan sumber pendapatan seperti hasil hutan.

Pada tahun 1913 penuntutan peribumi juga dikenali sebagai “hak peribumi” yang sepatunya tidak diperbesarkan isu melainkan membuat pendaftaran. Undang-undang tanah yang termaktub dalam 1913 telah didaftarkan mengikut pegawai Tanah maksudkan. Dengan setiap pendaftaran tanah hendaklah dibayar cukai sebanyak 1 dolar sahaja bagi tanah peribumi dan membayar 50 sen setiap per ekar.

Country lease merupakan satu mekanisme bukan pemilikan peribumi dengan membayar sebanyak 42 dolar setiap perakar dan 2.50 dolar setiap ekar. Tambahan pula, *Country lease* adalah satu skim pelepasan yang mengikut pajakan dalam 99 sehingga 999 per tahun. Kepentingan itu ialah membatasi kepada pembeli dan menjaga hak kepada pemilik asal dengan menggunakan kaedah *Third party* berdasarkan dalam surat geran itu. Seperti kita tahu pihak BNBC kurang mengenal pasti untuk menjaga hak peribumi tentang tanah yang berlaku sekitar 1885 sehingga 1913. BNBC memantapkan sistem undang-undang tanah dengan teratur tetapi masih gagal untuk melaksanakan. Hal ini disebabkan masalah kewangan sehingga BNBC tidak peduli tentang masalah hak peribumi dan adat di kawasan tanah Bajau dan Dusun. Tambahan pula BNBC membuat satu penanda sempadan dengan tujuan pusat komersial untuk menarik para pelabur dalam aktiviti perniagaan dan perdagangan (*North Borneo Central Archive- 815*).

Selain itu BNBC melaksanakan operasi dua peringkat dalam perubahan pentadbiran. Pertama adalah dalam pembuatan dokumen polisi (biasanya di bentuk Minit, Memoranda, Pekeliling dan Pemberitahuan) dari Gabenor Utara Borneo, yang telah dirangka secara bertulis dan disokong dengan surat undang-undang tanah. Kedua berada di tangan pegawai BNBC yang sering berjumpa dengan masyarakat peribumi seperti Bajau dan Dusun untuk menyelesaikan dalam kes penentangan yang diperlukan dalam undang-undang tanah dan polisi. Perbincangan berikut menerangkan tiga perkara dalam terdapat dalam BNBC iaitu di sini timbulnya kekeliruan mengenai pelaksanaan undang-undang tanah mengikut setiap pentadbir kolonial membahaskan definisi adat, tanah dan hak masyarakat peribumi terutama Bajau dan Dusun.

Akta pelabuhan dalam pemilikan tanah

Akta pelabuhan di Borneo Utara dikuatkuasakan pada tahun 1913. Dalam konteks pentadbiran kolonial, terdapat dua insentif utama yang mendorong pegawai kolonial untuk menyelesaikan tuntutan tanah oleh masyarakat peribumi. Pertama keperluan untuk meningkatkan hasil pendapatan negeri melalui percukaian ke atas pemilikan tanah asli. Dalam laporan yang bertajuk “*Report on Administration 1911*” Sir Richard Dane menekankan bahawa Semenanjung Tanah Melayu, pendapatan yang jelas diperolehi melalui sewa tanah yang dikenakan kepada penduduk asal. Beliau menyatakan bahawa potensi hasil serupa tidak dimanfaatkan di Borneo Utara. Melihat kelemahan pentadbiran dibawah Gabenor Ernest Birch (1901-1903) yang disifatkan sebagai “pentadbiran yang menyedihkan”, Dane menyuruh perlaksanaan tinjauan menyeluruh dan penyelesaian ke atas semua hak milik tanah asli, serta pengenalan sewa terhadap tanah-tanah tersebut. Kedua penyelesaian tuntutan tanah asli diperlukan menentukan kawasan yang dikategorikan sebagai “tanah buangan”. Tanah tersebut dapat diperuntukkan kepada pemilik ladang asing bagi tujuan pembangunan pertanian berskala komersial. Langkah ini selari dengan semangat ordinan pindaan *alien Enemies-up* 1916 yang digubal di penempatan Selat, turut memberi kesan terhadap pemindahan hak milik tanah oleh pihak asing.

Mengikut Proklamasi III (1889) dan Undang-undang Tanah (1913) mengiktiraf pelbagai bentuk tuntutan tanah oleh masyarakat peribumi, objektif utama pentadbiran kolonial waktu itu adalah mengikut dan mendaftarkan tanah secara tetap. Tetapi, Laporan Jabatan Penyelesaian Tanah mendapati bahawa pegawai kolonial menghadapi kesukaran dalam memahami bentuk pemilikan selain pertanian kekal. Menurut G.C Woolley, pada tahun 1915 keadaan berhubung dengan hak milik selain sawah milik peribumi agak huru-hara. Perkara menimbulkan kekeliruan dengan mencerminkan ketidaktentuan dalam persepsi pentadbiran SBUB, bukannya dalam amalan adat tanah tempatan yang

dianggap teratur oleh mereka sendiri. Akibatnya tanah dalam keadaan hutan sekunder sering digambarkan sebagai tidak dimiliki atau tidak produktif lalu dikategorikan sebagai tanah kerajaan. Langkah ini memudahkan proses pengambilan alih dan penyesuaian tanah ke dalam sistem pemilikan serta pertanian kolonial. Petikan ini turut dijelaskan berikut:

To all intents and purposes the kampongs [villages] were deserted. After much shouting and the sending of the few old women and small boys, that were about, to mencari, kepala sekolah berhasrat untuk membuat penampilan. Ketidakhadirannya sebelum ini dia meminta alasan dengan alasan caya sabaya potong rentas lagi tuan ['Oh, saya telah menjelaskan lebih banyak batasan, Tuan']: Saya telah menggaris bawah perkataan 'lagi [lebih] dengan sengaja kerana ada ... sudah nampaknya lebih dari 100 ekar disewa [dibersihkan], sedangkan 50 ekar semestinya maksimum. Dengan ini memulakan perbincangan yang panjang. Saya mencuba seni pujukan tetapi tanpa kejayaan; Saya menyebutkan hukuman yang mungkin hanya boleh dibuat dengan diam. Saya telah menekankan bahawa hukum 'an [perbicaraan atau hukuman] pemerintah, walaupun ditentang, akan dilakukan, hanya mendapat balasan seperti 'Baik la tuan, jikalau Prentah kasi masok penjara tidapa, kalau mati, tidapa juga ['Baiklah, Tuan, jika Kerajaan menjatuhkan saya di penjara, tidak apa-apa, jika saya mati, tidak apa-apa.'³

Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh pegawai SBUB dalam menangani hak tanah adat ialah ketidakmampuan. Mereka gagal untuk memahami sistem pemilikan tanah masyarakat peribumi. Bagi penduduk peribumi seriang dianggap sebagai “Nomad” kerana mereka berpindah randah mengusahkan tanah hutan tanpa menetap secara tetap, dengan itu sambil melakukan penambahbaikan seperti yang difahami dalam kerangka pemilikan Barat. Oleh itu, mereka dikategorikan sebagai setinggian bukan pemilik tanah sah (C.O 874/246).⁴ Tambahan pula, konsep pemilikan tanah secara kolektif oleh kampung bukannya individu tetapi menyukarkan pegawai kolonial yang lebih cenderung kepada sistem hak milik individu. Keadaan ini menjadi rumit apabila hak terhadap sumber tertentu, seperti tanaman yang dipegang secara berasingan daripada hak milik tanah itu sendiri, satu amalan yang bertentangan dengan fahaman SBUB tentang harta secara mutlak oleh individu (Appell 1992; Woolley 2006). Walaupun undang-undang secara formal mengiktiraf unsur tertentu dalam sistem tanah adat, pelaksanaan BNBC tetap berlandaskan prinsip pemilikan ala barat.

Woolley dianggap sebagai autoriti utama British dalam hal undang-undang adat di Borneo Utara, pendekatannya sering gagal menangkap kerumitan dan kepelbagaian sistem pemilikan tanah dalam kalangan etnik tempatan. Dalam tujuh laporan beliau mengenai beberapa kumpulan etnik iaitu perbincangan kepada aspek perwarisan tanah, tanpa menyentuh hak ke atas sumber semula jadi seperti hasil hutan atau sumber air (Woolley 2006; Pangeran Osman 2006). Namun begitu Woolley sedar bahawa kewujudan sangat rumit. Mengikut laporan mengenai Dusun Timogun, beliau mengakui pemilikan tanah secara korporat oleh desa serta penggunaan hutang berpindah. Beliau turut mencatatkan pemilikan pokok buah secara berasingan daripada tanah. Lapornya mengenai Dusun di Putatan pula menyentuh tentang undang-undang adat yang rumit berkaitan hak ke atas pokok dalam tanah komunal (Pangeran Osman 2006).

Jelas daripada perbincangan terdahulu bahawa pentadbiran SBUB lebih menumpukan kepada penyelesaian pemilikan tanah tetap milik peribumi, manakala bentuk pemilikan lain seperti pokok buah-buahan yang berselerak, tanah komunal meskipun diiktiraf tanah adat. Terdapat beberapa sebab di sebalik pengabaian ini. Pertimbangan ekonomi pula iaitu pengiktirafan hak tersebut dan penetapan sempadannya akan melibatkan kawasan tanah yang luas, sekali gus menghalang SBUB daripada menjual tanah tersebut kepada pekebun Eropah. Sebaliknya pentadbiran syarikat memilih pendekatan yang lebih praktikal iaitu membayar pampasan sekali gus pokok buah yang ditebang daripada mengiktiraf hak milik tanah di sekelilingnya yang berpotensi menggugat kepentingan pelabur ladang kolonial.

Lebih-lebih lagi, dengan menyelesaikan tuntutan asli kepada pegangan tetap, pihak Inggeris dapat menuntut cukai tanah, yang diharapkan dapat meningkatkan pendapatan tanah secara signifikan

bagi Syarikat. Pernyataan berikut menggambarkan pemikiran yang tegas mengenai topik pendaftaran tanah dan percukaian:

Mereka [pribumi] harus dididik secara beransur-ansur untuk menyadari bahawa mereka tidak lagi dapat mengambil tanah dengan kebiasaan yang diterima selama ini hanya dengan menetap di atasnya tanpa merujuk kepada Kerajaan dan harus diajar [bahawa] di bawah rejim baru pembayaran tepat waktu sewa akan dianggap oleh Kerajaan sebagai tugas pertama pemegang tanah (C.O 874/283: C.O 874/154).

Pulangan fiskal pada awalnya nampaknya mempengaruhi aspek kepemilikan tanah asli yang diakui di bawah dasar penyelesaian tanah, kerana pendaftaran pemegangan asli tetap dengan cepat mulai menghasilkan hasil yang diharapkan. Pada tahun 1914 gulungan sewa untuk tanah yang dimiliki secara asli menghasilkan sekitar \$ 6,000; menjelang tahun 1920 jumlahnya telah meningkat menjadi \$ 32,605 (Black 1983). Namun secara paradoks, angka terakhir ini hanya mewakili sejumlah kecil anggaran tahunan untuk Syarikat. Oleh itu, bukan hanya aspek kewangan pendaftaran tanah yang mendorong pegawai Syarikat untuk melakukan penyelesaian tanah asli dengan begitu kuat. Gagasan membuat pesanan keluar dari wilayah yang dianggap dalam keadaan huru-hara; mewujudkan mata pelajaran yang rasional dan terkawal melalui pengenalan undang-undang; dan menjadikan sumber daya Borneo Utara tersedia untuk kepentingan semua orang memainkan peranan penting dalam mengesahkan peraturan Syarikat di wilayah tersebut.⁵

Akta pengenalan tanah rizab Undang-Undang Ordinan

Pada tahun 1881, SBUB telah memperkenalkan satu peruntukan awal berkaitan sebagai Akta Tanah Rizab, di bawah pentadbiran Gabenor William Hood Treacher. Tujuan utama pengenalan tanah rizab ini adalah untuk merangsangkan pembangunan ekonomi berskala besar, khususnya di kawasan pantai barat Borneo Utara. Menurut Black (1983), SBUB memainkan peranan penting sebagai satu bentuk pemerintahan berasaskan korporat. Namun syarikat ini terpaksa bergantung kepada golongan kapitalis bagi suntikan modal dalam perniagaan. Pada masa yang sama SBUB turut menerima arahan daripada Parlimen British agar menjaga kebajikan masyarakat peribumi, tertakluk kepada kawasan tertentu. Pada tahun 1883, SBUB telah merangka memorandum yang bertujuan menyelaraskan sistem pentadbiran dengan 'kod-kod asal' yang digunakan dalam Negeri-Negeri Selat dan Persekutuan Tanah Melayu. Dalam konteks dasar tanah, SBUB telah menggubal beberapa perundangan yang berkaitan tanah rizab pada tahun 1894, 1904 dan 1930. Perundangan ini mengalami perubahan dari semasa ke semasa bergantung kepada arahan serta pendekatan pentadbiran oleh gabenor.

Selain bertujuan merangsang pembangunan ekonomi, pengenalan Tanah Rizab dan Ordinan Tanah oleh SBUB juga berfungsi untuk merekodkan pemilikan tanah asal mengikut kawasan. Tindakan ini bagi memastikan pemilik tanah mendaftar secara sah, memiliki permit serta surat geran rasmi. Setiap pemilik tanah juga diwajibkan membayar cukai mengikut kadar yang ditetapkan dalam geran tersebut. Di samping itu, SBUB turut menggunakan dasar tanah ini sebagai strategi menarik pelabur luar untuk melabur dalam sektor ekonomi tempatan. Pelaksanaan dan pemantauan Tanah Rizab serta ordinan berkaitan dilakukan secara sistematik, berdasarkan kerangka undang-undang yang tersedia. Pada peringkat awal, penetapan kawasan tanah rizab banyak tertumpu di kawasan perkampungan masyarakat Bajau di pantai barat seperti Darau, Mengkabong, Karambunai, Tuaran, Tempasuk, Sembulan, Tanjung Aru, Jesselton, Likas, Kinarut dan gantisan. Dalam legislatif awal, setiap kawasan ini telah ditentukan kadar pemilikan rizabnya bermula tahun 1894. Namun begitu kesedaran masyarakat Bajau terhadap nilai dan kepentingan pemilikan tanah masih rendah waktu itu. Kesempatan ini telah dimanfaatkan oleh SBUB bagi menggalakkan kemasukan pelabur daripada golongan migrain *Oriental*. Golongan ini memohon tanah kepada SBUB dengan tujuan perniagaan terutama dalam sektor perladangan dan penanaman getah (NBCA-177: NBCA-728).

Walau bagaimanapun, melalui Akta tanah Rizab, SBUB telah menetapkan kawasan penempatan khususnya masyarakat peribumi. Syarat pertama iaitu mengiktiraf pendaftaran rasmi oleh penduduk, supaya sistem pentadbiran tradisional dapat dipelihara serta dimasukkan dalam peruntukan Akta kampung (9CO 648). Tindakan ini dengan tujuan memastikan struktur sosial masyarakat peribumi serta mewujudkan kesatuan penempatan yang tersusun di bawah perundangan kolonial. Pada masa yang sama dapat menekankan dasar pembangunan ekonomi yang seimbang

dengan penjagaan hak dan kebajikan masyarakat peribumi. Selaras dengan itu, dasar syarikat mengamalkan pendekatan yang sistematik tapi bersifat berasingan, di samping mencari pelaburan secara terancang (NBCA-177). Melalui dasar ini termasuk kawasan perkampungan masyarakat peribumi dikenal pasti sebagai lot yang boleh dijual atau dibangunkan. Perkara ini dapat memberi tekanan kepada masyarakat peribumi yang akhirnya terpaksa ke lokasi lain atas arahan pihak kolonial.

SBUB telah mengklasifikasikan tanah kepada dua kategori utama iaitu “Tanah Peribumi” dan Tanah Pengasingan”. Tujuan utama pembahagian ini adalah memudahkan pelaksanaan dasar ekonomi syarikat serta menarik pelabur luar. Melalui pengkategorian ini, pihak SBUB dapat merancang pembangunan secara tersusun mengikut kumpulan etnik, tanpa kelihatan mempraktikkan pengasingan secara langsung. Walau bagaimanapun dasar SBUB lebih mengutamakan golongan “*Migran-oriental*” berbanding masyarakat peribumi seperti Bajau dalam hal pemilikan tanah. Keutamaan ini dianggap sebagai strategi menarik pelabur asing, dengan menjadikan kawasan perkampungan masyarakat peribumi seperti Bajau di kawasan Darau, Papar, Likas, Kinarut, Gantisan, Api-Api, Tanjung Aru, Tuaran, Mengkabong, Karambunai dan Kinarut. SBUB menganggap kawasan ini kurang potensi dari segi ekonomi, justeru mendorong penubuhan akta Tanah Rizab dan beberapa Ordinan berkaitan.

Beberapa langkah yang diperkenalkan SBUB untuk menyokong pembangunan ekonomi iaitu:

1. Akta Perladangan- wajib memulakan aktiviti dalam tempoh tiga tahun;
2. Akta Pertanian- tanaman seperti buah-buahan perlu didaftarkan
3. Akta Pertanian Komersial-meliputi tanaman buah-buahan
4. Akta Tanah Pertanian Rata- bagi memudahkan penanaman berskala besar
5. Syarat Operasi- aktiviti perladangan mesti dijalankan sekurang-kurangnya tiga tahun
6. Tanggungjawab pemilik- tanah mestilah dijaga sepenuhnya oleh pemilik (NBCA-177)

Langkah ini dapat membantu melicinkan pelaksanaan akta legislatif berdasarkan seksyen tertentu, terutamanya dalam sektor pertanian dan penternakan. Ia juga memberi manfaat ekonomi kepada SBUB melalui pelaburan dan kutipan cukai. Walaupun tanah peribumi dikekalkan di bawah seliaan SBUB, tanah pengasingan dibuka luas kepada pelabur luar. Dalam konteks ini, pelaksanaan dasar tanah membolehkan SBUB menjaga hak pemilik asal sambil memacu pertumbuhan ekonomi melalui sistem cukai dan perladangan komersial.

KESIMPULAN

Kehadiran Syarikat Borneo Utara British di pantai barat Borneo Utara telah membawa perubahan besar terhadap struktur sosial dan politik tempatan. Melalui pelaksanaan sistem birokrasi Barat, perundangan baharu dan ekonomi komersial, SBUB telah mentransformasi pentadbiran tradisional kepada sistem moden. Pembangunan seperti pembukaan ladang, peluasan pelabuhan dan jaringan perdagangan telah merangsang pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Namun dasar ini juga membawa kesan negatif apabila masyarakat peribumi yang semakin terpinggir, selain eksploitasi sumber asli tanpa pertimbangan terhadap hak penduduk tempatan. Oleh itu, legasi pentadbiran SBUB perlu dinilai secara kritikal, bukan sahaja dari segi sumbangannya terhadap pembangunan tetapi juga impaknya terhadap struktur sosial, hak tanah dan kesejahteraan komuniti tempatan yang terkesan secara langsung oleh dasar kolonial tersebut.

RUJUKAN

- Ahmad Jelani Halimi. 2006. *Perdagangan dan perkapalan Melayu di Selat Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Black, I. D. 1968. The ending of Brunei rule in Sabah 1878–1902. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 41(2).
- British Colonial Office. 1882. *Papers relating to the affairs of Sulu and Borneo and to the grant of charter of incorporation to the British North Borneo Company. Part I*. hlm. 130–132; hlm. 225–226. C.O. 874.
- British Colonial Office. *Papers relating to the promotion of the company*. M: 42/82. C.O. 874.

- British Colonial Office. *Command order papers of British North Borneo Chartered Company*. C.O. 874/13.
- British Colonial Office. *Memorandum of association of the British North Borneo Provisional Association, Limited*. C.O. 874/168.
- British Colonial Office. 1878. *Commission from Sultan of Sulu appointing Baron Von Overbeck Dato Bendahara and Rajah of Sandakan; Grant by Sultan of Sulu of territories and lands on the mainland of the island of Borneo (22 January 1878)*. C.O. 874/22.
- British North Borneo Herald. 1889, February 1. *Proclamation No. II of 1889*. hlm. 45–53.
- F.O. 71/18. 1885, March 7. *Protocol between Great Britain, Germany and Spain signed at Madrid*.
- Hill, C. 1980. *Some Intellectual Consequences of the English Revolution*. London: Cambridge Press.
- Irwin, G. 1986. *Borneo Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leong, C., & Sullivan, A. 1981. *Commemorative History of Sabah 1881–1981*.
- NBCA. *Circular notice to officers*. Ref: NBCA-815.
- Gusni Saat. 2004. *Peribumi Teluk Sepanggar*. Bangi, UKM Press
- Tzeken, D. W. 2006. *Sejarah ringkas Tuan Yang Terutama dan Gabenor*. Kota Kinabalu: Perpustakaan Negeri Sabah.
- Warren, J. F. 2002. *Iranun and Balangingi: Globalization, maritime raiding and the birth of ethnicity*. Singapore: NUS Press.
- Warren, J. F. 1972. The North Borneo Chartered Company administration of the Bajau, 1878–1909. *Sabah Society Journal*, 5(4).
- Tregonning, K. G. 1965. *A History of Modern Sabah, 1881–1963*. Singapore: University of Malaya Press.
- M: 42/82 C.O 874 Papers Relating to the Promotion of the Company;
- M42/82 Copies of Various treaties to thich Great Britain, USA, France, Germany, Spain and Sulu were party (1836-1878)
- North Borneo Archive Central, Native Court Ordinance,1929; G.S.O. NO. 1968.
- North Borneo Central Archives- 177 Alienation of Shop lot in Jesselton Town: reclamation og news lots, 1920-1929; North Borneo Central Archives- 728 For Chinese Theatrical Hall, Jesselton
- North Borneo Central Archives-1356, letter From Assistant District Officer to the Resident of the Interior 30 April 1913;
- Adas, M. 1981. From avoidance to confrontation: Peasant protest in precolonial and colonial Southeast Asia. *Comparative Studies in Society and History* 23(3): 317–347.
- Andaya, L., & Andaya, B. 1983. *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Macmillan Press.
- Frankopan, P. 2015. *The Silk roads*. United Kingdom: Bloomsbury.
- Hooker, M. B. 1980. *Native Law in Sabah and Sarawak*. Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd.
- Maxwell, W. 1884. The law and customs of Malays with reference to the tenure of land. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 13.
- Sabihah Osman. 1997. *Institusi Pentadbiran Peribumi Sabah 1881–1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Qasim, A. 2013. *Revolusi Industri Pertama: Sejarah Sosioekonomi dan Politik*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Ranjit Singh. 2011. *The making of Sabah 1865–1941: The Dynamics of Indigenous Society*. Kota Kinabalu, Sabah: Bahagian Kabinet dan Dasar.
- Ranjit Singh. 1981. The development of native administration in Sabah 1877–1946. Dalam Anwar Sullivan & C.Leong. *Commerative of Sabah 1881-1981* (18-116). Kota Kinabalu: Sabah State Government Centenary Publication Committee.
- Roff, M. C. 1974. *The politic of belonging (Political change in Sabah and Sarawak)*. East Asian Historical Monographs. Kuala Lumpur.
- Salleh, B. . *Malaysian Torrens System*.
- Shaharuddin Maaruf. 2014. *Idea Tentang Pembangunan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sulaiman, Y. 2021. *Sejarah Penyerahan Wilayah Brunei di Pantai Barat Borneo Utara (1877–1902)*. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah.
- Sulaiman, Y., & Bala, B. 2019. Mahrajah Overbeck: Satu Pandangan Hak dan Kedudukan Pemerintahan di Borneo Utara. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)* 5(1): 125.
- Treacher, W. H. 1891. *British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo*. Government Printing.
- Wright, L. 1966. *The origins of British Borneo*. University of Malaya Press.

-
- ¹ Semasa pemerintahan BNBC telah membawa banyak perubahan daripada pentadbiran dan perdagangan. BNBC menggalakan bagi semua etnik layan sama rata dengan hanya memfokuskan ekonomi kapitalis. Melihat zaman tradisional masyarakat Bajau hanya menetap di kawasan persisiran pantai sahaja, jika mereka pergi ke kawasan pendalaman untuk berdagang berkemungkinan mereka akan kena culik dan dipotong kepala, apabila BNBC melakukan penghapusan penghapusan kepala dan hamba, maka tidaklah berlaku sebarang persengketaan di antara dua etnik.
- ² Sistem Torren, merupakan sistem pendaftaran tanah yang diperkenalkan di Australia Selatan pada tahun 1850. Sistem ini melibatkan perdaftar yang telah dipajak atau memajak. Kemudian tanah yang sudah dipajak dan memajak ini akan dikawal oleh pihak kerajaan. Dengan itu, pihak kerajaan juga perlu memerihalkan tentang keluasan tanah yang telah dipajak atau memajak berdasarkan dalam surat perjanjian (Geran). Tujuan surat perjanjian ialah menunjukkan bukti di antara si pembeli dan penjual tanah untuk masuk dalam transaksi. Bagi yang mempunyai surat perjanjian (geran) itu menunjukkan pemilik tanah itu. Bagi perspektif BNBC mengenai sistem Torrens dapat membuktikan bahawa dapat memastikan siapa pemilik tanah itu. Tanah itu perlulah didaftar agar tidak berlaku pertikaian untuk perebutan tanah. semasa gabenor Creach juga memperkenalkan cukai tanah untuk dijadikan sebagai pendapatan utama bagi BNBC. Apa yang lebih menarik, semenjak sistem Torren diperkenal kebanyakan pemilik tanah mengalami buta huruf tentang surat perjanjian terutamanya masyarakat Bajau dan Dusun. Kadar ini menunjukkan bukti pendidikan terhadap ekonomi amatlah mundur pada ketika itu; Ian Donald Black, *Gambling Style of Government*, hlm. 109.
- ³ North Borneo Central Archives-1356, letter From Assistant District Officer to the Resident of the Interior 30 April 1913; sila rujuk Michael Adas, *From Avoidance to Confrontation: Peasant Protest in Precolonial and Colonial Southeast Asia. Comparative Studies in Society and History*, 23,3, (1981) hlm. 317-247; Dasar BNBC memastikan melaksanakan kepada setiap orang dewasa mestilah membayar cukai dahulu demi mendapatkan menuntut sekitar 3 ekar; terdapat ahli sarjana lain telah menunjukkan bagaimana keadaan para peribumi untuk mengelakkan pemerintahan Negara secara paksaan adalah bentuk tunjuk perasaan petani pada zaman penjajahan pra-penjajahan dan awal keterangan mengenai polisi ini adalah membayar cukai sambil menuntut tanah sebanyak 3 ekar.
- ⁴ This language was ubiquitous through Company documents. A good example is Governor Creagh's 'Report to The Chairman of the North Borneo Chartered Company', 4 Aug. 1888, CO 874/246
- ⁵ Doolittle, '*Controlling the land*' discusses in more detail the specific modes of discourse relevant to the colonial treatment of land matters (masukan fasal Doolitele artikel)